



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM. 100-1/3/1 Jld. 9 (58)
Tarikh : 19 Februari 2024

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

**PENKATEGORIAN SEMULA KOMPONEN KOKURIKULUM BAGI PASUKAN
BADAN BERUNIFORM, KELAB DAN PERSATUAN SERTA SUKAN DAN
PERMAINAN**

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pengkategorian Semula Komponen Kokurikulum bagi Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan serta Sukan dan Permainan.

LATAR BELAKANG

2. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran pada tahun 1979, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 dan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 4 Mei 2005 telah memutuskan bahawa penyertaan dalam kokurikulum diwajibkan kepada semua murid dengan menyertai tiga komponen kokurikulum, iaitu pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan.

3. Berdasarkan Laporan Kabinet 1979, kesemua tiga komponen kokurikulum dilaksanakan dengan tujuan menyemai sikap berdisiplin dan berdikari, mengasah bakat dan potensi murid selain terlibat aktif dalam kegiatan luar bilik darjah. Oleh itu, pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan yang dilaksanakan di sekolah perlu memberi nilai tambah kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah selain dapat menyemai semangat perpaduan dalam kalangan murid.

4. Pengkategorian semula komponen kokurikulum perlu dilaksanakan bagi memperincikan semua aktiviti dalam kokurikulum mengikut kumpulan masing-masing. Hal ini berikutan pewujudan banyak aktiviti baharu berdasarkan gaya hidup dan minat murid serta penguatkuasaan Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) bertarikh 10 Mac 2023 dan keputusan Mesyuarat Peringkat Tertinggi Sukan bertarikh 7 Jun 2023.

5. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 27 Tahun 2023 bertarikh 12 Oktober 2023 dan Mesyuarat Pengurusan Pendidikan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2023 bertarikh 22 hingga 24 Oktober 2023 telah meluluskan cadangan Pengkategorian Semula Komponen Kokurikulum bagi Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan serta Sukan dan Permainan.

PELAKSANAAN

6. Pengkategorian semula komponen kokurikulum ini akan melibatkan perkara seperti yang berikut:

- 6.1 perubahan kategori seni mempertahankan diri daripada kategori pasukan badan beruniform kepada kategori sukan dan permainan;
- 6.2 penambahan kelab dan persatuan serta sukan dan permainan dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK); dan
- 6.3 bagi mana-mana pasukan badan beruniform, sukan dan permainan serta kelab dan persatuan yang tidak tersenarai dalam pengkategorian tersebut hendaklah dimasukkan sebagai Kategori Lain-Lain dalam sistem PAJSK.

7. Pendaftar perlu merujuk dan mendapatkan nasihat Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian terlebih dahulu sebelum meluluskan sebarang penubuhan pasukan badan beruniform, sukan dan permainan serta kelab dan persatuan bagi tujuan kawalan penubuhan dan penyelarasan.

8. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat ketetapan agar pertubuhan/kelab/agensi yang menjalankan kegiatan sukan di peringkat sekolah perlu berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) di bawah Kementerian Belia dan Sukan atau menjadi ahli gabungan badan sukan peringkat kebangsaan yang berdaftar dengan PJS. Semua pengetua dan guru besar hendaklah memastikan pertubuhan/kelab/agensi yang sedang atau hendak menjalankan kegiatan sukan mengemukakan salinan dokumen pendaftaran sebelum memulakan atau meneruskan kegiatannya.

9. Pengkategorian semula komponen kokurikulum ini melibatkan semua sekolah KPM dan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM dan melaksanakan Kurikulum Kebangsaan. **Carta Alir Penubuhan Komponen Baharu Kokurikulum** seperti dalam **Lampiran 1** dan **Senarai Komponen Kokurikulum bagi Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan serta Sukan dan Permainan Mulai Tahun 2024** seperti dalam **Lampiran 2** yang disertakan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah.

TARIKH KUAT KUASA

10. SPI ini berkuat kuasa mulai **10 Mac 2024**.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuat kuasa SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1997: Pengiktirafan Persatuan Seni Bela Diri Sebagai Persatuan Pakaian Seragam Sekolah bertarikh 2 April 1997 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.13/2000: Pendaftaran Kegiatan Seni Bela Diri Di Sekolah-Sekolah bertarikh 3 Ogos 2000 adalah **terbatal**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)


Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PENUBUHAN KOMPONEN BAHARU KOKURIKULUM



LAMPIRAN 2

SENARAI KOMPONEN KOKURIKULUM BAGI PASUKAN BADAN BERUNIFORM, KELAB DAN PERSATUAN SERTA SUKAN DAN PERMAINAN MULAI TAHUN 2024

JADUAL 1: KOMPONEN PASUKAN BADAN BERUNIFORM

ANJURAN	BIL.	PASUKAN BADAN BERUNIFORM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	1.	Kadet Remaja Sekolah
	2.	Pancaragam/ <i>Concert Band/Wind Orchestra</i>
KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN	3.	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
	4.	Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia
	5.	Kadet Jabatan Pengangkutan Jalan
	6.	Kadet Koreksional
	7.	Kor Kadet Polis
	8.	Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Darat)
	9.	Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Laut)
	10.	Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Udara)
BADAN BUKAN KERAJAAN	11.	Persekutuan Pengakap Malaysia
	12.	Persatuan Pandu Puteri Malaysia
	13.	Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM)
	14.	Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)
	15.	St. John Ambulans Malaysia (SJAM)
	16.	Briged Putera Malaysia (Boys Brigade)
	17.	Briged Puteri Malaysia (Girls Brigade)
	18.	Briged Bakti Malaysia
	19.	Persatuan RIMAP Malaysia
	20.	<i>Joyful Vanguard</i>

JADUAL 2: KOMPONEN KELAB DAN PERSATUAN

KATEGORI	BIL.	KELAB DAN PERSATUAN
BAHASA	1.	Bahasa Arab
	2.	Bahasa Cina
	3.	Bahasa dan Kesusasteraan
	4.	Bahasa Iban
	5.	Bahasa Inggeris
	6.	Bahasa Jepun
	7.	Bahasa Jerman
	8.	Bahasa Kadazan
	9.	Bahasa Korea
	10.	Bahasa Melayu
	11.	Bahasa Perancis
	12.	Bahasa Tamil
STEM DAN TVET	13.	Lukisan Kejuruteraan
	14.	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)/Solar
	15.	Astronomi/Falak
	16.	Avionik
	17.	<i>Cyber Kids</i>
	18.	<i>F1 in School</i>
	19.	Inovasi/ Reka Cipta/ Reka Bentuk dan Teknologi
	20.	Komputer/ICT
	21.	Remaja Udara
	22.	Robotik
	23.	Fotonik
	24.	Juru Ukur
	25.	Pembinaan CIDB
SAINS SOSIAL	26.	Geografi
	27.	Pertanian
	28.	Sejarah
	29.	Sivik/Moral
	30.	Tingkatan 6 (PERTINA)
	31.	Kepimpinan
	32.	Keselamatan Jalan Raya
	33.	Kesihatan
	34.	Pelancongan
	35.	Pencegahan Jenayah
	36.	Pengguna
	37.	Sains Kemasyarakatan
KEAGAMAAN	38.	Kemahiran Al-Quran/Hafazan/Nadi Huffaz/Nadi Qurra'
	39.	Tarannum dan Qiraat
	40.	Agama Buddha
	41.	Agama Hindu
	42.	Agama Islam

KATEGORI	BIL.	KELAB DAN PERSATUAN
KENEGARAAN	43.	Agama Kristian
	44.	Ulul Albab
	45.	Malaysiaku
	46.	Perpaduan
	47.	Rukun Negara
KERJAYA	48.	Doktor Muda
	49.	Fotografi
	50.	Juruterbang
	51.	Katering
	52.	Kerjaya
	53.	Pemimpin Muda Sukan (QM)
	54.	Audio Visual
KEBAJIKAN DAN HOBI	55.	<i>Filateli (Kumpul Setem)</i>
	56.	<i>Interact/Lion/Leo/Rotary</i>
	57.	Joran
	58.	Numesmatik (Kumpul Syiling)
	59.	UNESCO
	60.	Kembara
	61.	Skim Pinjaman Buku Teks
	62.	Kelab Rakan Muda
ALAM SEKITAR	63.	Alam Sekitar
	64.	Keceriaan/Landskap
	65.	Kitar Semula
	66.	Briged Sungai
KESENIAN	67.	Seni Muzik
	68.	Seni Tari
	69.	Seni Teater
	70.	Seni Visual
KEUSAHAWANAN	71.	Pelaburan Bijak PNB
	72.	Perdagangan
	73.	Ekonomi
	74.	<i>Leaderonomics</i>
	75.	Koperasi Sekolah
	76.	Usahawan Muda/Tunas Niaga
	77.	Akaun
	78.	Kewangan

JADUAL 3: KOMPONEN SUKAN DAN PERMAINAN

KATEGORI	BIL.	SUKAN DAN PERMAINAN
KEMAHIRAN	1.	Baling Damak
	2.	<i>Billiard</i>
	3.	<i>Boccia</i>
	4.	Boling
	5.	Boling Padang
	6.	<i>Boules</i>
	7.	Catur
	8.	Dam
	9.	Gasing
	10.	Gimnastik
	11.	Golf
	12.	Lompat Tali
	13.	Meluncur
	14.	Memamah
	15.	Menembak
	16.	<i>Orienteering (Pandu arah)</i>
	17.	<i>Stacking Sports</i>
	18.	Sukan Bermotor
	19.	Sukan Ekuestrian
	20.	Sukan Gelongsor
	21.	Sukan Memancing
	22.	Sukan Rekreasi
	23.	Sukan Tarian
	24.	Sukan Tradisional
AIR	25.	Akuatik
	26.	Belayar
	27.	Berkanu
	28.	Luncur
	29.	Mendayung
	30.	Sukan Bot Laju
	31.	Sukan dalam Air
	32.	Perahu Naga
TEMPUR	33.	Aikido
	34.	<i>Capoiera</i>
	35.	Hapkido
	36.	Sambo
	37.	Judo
	38.	Karate
	39.	<i>Kempo</i>
	40.	<i>Kendo</i>
	41.	Tinju
	42.	Silambam
	43.	Silat

KATEGORI	BIL.	SUKAN DAN PERMAINAN
	44.	Taekwondo
	45.	Wushu
	46.	Jujitsu
	47.	Vovinam
	48.	Lawan Pedang
RAKET	49.	Badminton
	50.	<i>Basque Pelota</i>
	51.	<i>Lacrosse</i>
	52.	<i>Skuasy</i>
	53.	Tenis
	54.	Ping Pong
BERPASUKAN	55.	<i>American Football</i>
	56.	Besbol
	57.	Bola Baling
	58.	Bola Jaring
	59.	Bola Keranjang
	60.	Bola Sepak
	61.	Bola Tampar
	62.	Cakera Terbang
	63.	<i>Dodgeball</i>
	64.	<i>Fistball</i>
	65.	<i>Goalball</i>
	66.	Hoki
	67.	<i>Ice Stock Sport</i>
	68.	Kabadi
	69.	<i>Korfball</i>
	70.	Kriket
	71.	<i>Kurling</i>
	72.	<i>Paintball</i>
	73.	Pasukan Sorak
	74.	<i>Pickleball</i>
	75.	Polo
	76.	Ragbi
	77.	<i>Roundnet</i>
	78.	Sepak Takraw
	79.	Sofbol
	80.	Tarian Naga dan Singa
	81.	Tarik Tali
	82.	<i>Tchoukball</i>
	83.	<i>Teqball</i>
	84.	<i>Throwball</i>
	85.	<i>Torball</i>
	86.	<i>Woodball</i>
KEKUATAN DAN KUASA	87.	Angkat Berat
	88.	Berbasikal
	89.	Berski

KATEGORI	BIL.	SUKAN DAN PERMAINAN
	90.	<i>Biatlon</i>
	91.	Bina Badan
	92.	Gusti
	93.	Gusti Lengan
	94.	Larian Menara
	95.	Mendaki
	96.	Olahraga
	97.	<i>Pentatlon</i> Moden
	98.	Sukan Kecergasan
	99.	<i>Triatlon</i>
KHAS	100.	Sukan Udara
	101.	Sukan Yoga